



MINISTRY OF COMMUNICATIONS
AND MULTIMEDIA MALAYSIA

CyberSecurity
MALAYSIA

SIARAN MEDIA

23 April 2019

UNTUK SIARAN SERTA MERTA

PROGRAM KOLABORASI CYBERSECURITY MALAYSIA - INITIATIF KERJASAMA AWAM-SWASTA KUKUHKAN PEMBANGUNAN INDUSTRI KESELAMATAN SIBER DI MALAYSIA

CYBERJAYA (23 APRIL 2019) – Keselamatan siber kini merupakan cabaran utama bagi kebanyakan industri. Tahap kerentanannya meningkat pada kadar yang membimbangkan dan permintaan terhadap tenaga kerja profesional IT semakin tinggi untuk menganalisis dan mengatasi ancaman ini. CyberSecurity Malaysia, pusat pakar dan teknikal keselamatan siber kebangsaan dan agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, mengenal pasti kolaborasi dan kerjasama sebagai salah satu kaedah untuk mengukuhkan ekosistem keselamatan siber di Malaysia.

Industri ICT berkembang secara dinamik dan membawa pelbagai manfaat dari segi perluasan rangkaian, kemunculan teknologi baharu seperti Internet Pelbagai Benda (IoT), *Artificial Intelligent* (AI), Pengkomputeran Awan, Transformasi Digital, Data Raya serta perkongsian maklumat kepada semua pihak sama ada organisasi mahu pun individu. Oleh itu, keselamatan siber menjadi semakin penting dalam mewujudkan persekitaran pembangunan nasional yang kompetitif, pertumbuhan perniagaan dalam era ekonomi digital dan penyediaan perkhidmatan. Ini terbukti apabila pasaran keselamatan siber global dijangka meningkat dari USD 150 bilion pada 2018 kepada USD 250 bilion menjelang 2023.

Program Kolaborasi CyberSecurity Malaysia atau *CyberSecurity Malaysia Collaboration Program* (CCP) merupakan inisiatif kerjasama awam - swasta. Ia mensasarkan syarikat berdaftar di Malaysia yang menyediakan produk dan perkhidmatan keselamatan siber, di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Kerjasama strategik antara pemain keselamatan siber tempatan dan entiti Kerajaan ini bertujuan untuk membangunkan hubungan yang mampan antara Kerajaan, industri dan akademik serta menangani jurang kemahiran dalam tenaga kerja selain meningkatkan sumbangan industri keselamatan siber kepada pertumbuhan ekonomi negara.



Best Brand
Internet Security
2008 & 2009



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013
CERT. NO.: AR 4656



MS ISO/IEC 17025
TESTING
SAMPI NO. 456
(PERAK MANUFACTORY)



MSC
MALAYSIA
Status Company
Real Child Online Protection Worldwide

Corporate Office:
Level 7, Tower 1
Menara Cyber Axis
Jalan Impact
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia.
www.cybersecurity.my



Securing Our Cyberspace

T +603 8800 7999
F +603 8008 7000
H 1 300 88 2999

Program CCP selaras dengan Program Pemerkasaan / Daya Tahan Keselamatan Siber Malaysia (*Malaysia Cyber Security Resilience Program* - MyCSR), di mana program keselamatan siber akan dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan berintegrasi bertujuan untuk meningkatkan tahap kesediaan dan daya ketahanan keselamatan siber negara. Ianya akan mula dilaksanakan pada tahun ini dan dicadangkan pelan pelaksanaan sepenuhnya pada Rancangan Malaysia (RMK) ke-12 nanti. MyCSR akan diterajui oleh KKMM melalui CyberSecurity Malaysia dan ianya menyokong salah satu teras tugas menteri iaitu pengukuhan perlindungan keselamatan siber.

"Sebagai pusat rujukan dan teknikal keselamatan siber kebangsaan, CyberSecurity Malaysia bertindak sebagai penggerak teknikal untuk Kerajaan, akademik dan industri di Malaysia dalam usaha menangani cabaran keselamatan siber. Kami memulakan CCP setelah menerima maklum balas daripada pihak industri yang memerlukan usaha bersepadu antara pihak Kerajaan dan industri untuk memperluaskan rangkaian dalam kalangan pemain keselamatan siber tempatan melalui projek usahasama dan pembangunan tenaga kerja mahir." kata Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia.

Melalui CCP, rakan kerjasama akan mendapat akses kepada beberapa faedah utama seperti rangkaian komuniti, program pembangunan kapasiti, sokongan pembangunan keupayaan dan peluang perniagaan serta fasilitasi.

CCP dilancarkan pada majlis penghargaan CyberSecurity Malaysia sempena Dialog Industri Keselamatan Siber 2019 dan dirasmikan oleh YBrs. Encik Tan Chuan Ou, Timbalan Ketua Setiausaha yang mewakili Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Layari <https://ccp.cybersecurity.my> untuk mendapat maklumat lanjut mengenai CCP. Manakala untuk pertanyaan, emelkan kepada pihak Sekretariat CCP di ccp@cybersecurity.my.

Tamat

For additional information, visit our website at <http://www.cybersecurity.my> and for general inquiry, email to info@cybersecurity.my. For further enquiries about this document, please email:

media@cybersecurity.my or call Mohd Shamil Mohd Yusoff (012 249 6938) / Zul Akmal Abdul Manan (012 324 5867)